

Dituju pada semua pemimpin UMNO

UM 13 MAY 1985

Oleh Khalid Noorshah

KUALA LUMPUR 12 Mei - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa kenyataannya tentang kesediaan beliau untuk mengundur diri sebenarnya ditujukan juga kepada semua pemimpin UMNO.

"Apa yang saya kata semalam bermaksud, semua pemimpin UMNO termasuk saya sendiri hendaklah mengundur diri jika tidak mendapat sokongan ahli-ahli parti.

"Saya berkata demikian kerana kini terdapat orang-orang lama yang tidak mahu mengundurkan diri walaupun sokongan terhadap mereka telah berkurangan," katanya.

Perdana Menteri membuat penjelasan ini bila diminta oleh para pemberita supaya menghuraikan kenyatannya di Alur Setar semalam di mana beliau menyatakan kesediaan untuk mengundurkan diri jika pimpinannya tidak diperlukan lagi.

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Dituju pada semua pemimpin UMNO

UM 13 MAY 1985

"Saya telah menyatakan bahawa saya telah berumur 60 tahun dan kalau hendak diberhentikan, bolehlah diberhentikan tetapi ini bukan bermaksud bahawa saya hendak memelawa diri hendak berhenti," katanya disambut dengan gelak ketawa sekali lagi oleh para hadirin.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, apa yang dikatakannya ada kaitan dengan rebutan-rebutan yang sering berlaku sekarang ini untuk mendapatkan jawatan

dia menang orang-orang yang menganggotai kabinetnya akan mengisi jawatan tertentu untuk kepentingan diri sendiri.

"Oleh kerana sikap ini, orang lain tidak mendapat tempat dalam parti dan tidak pula diberi peluang atau diterima khidmat mereka," katanya.

Pihak yang kecewa itu pula, tambahnya, akan berusaha sedaya upaya untuk menjatuhkan pihak yang menang. Jika tidak berjaya

but jawatan dalam parti dan bila dicalonkan mereka berkempen dengan begitu giat untuk menang.

"Setengah daripadanya sanggup menabur wang semata-mata untuk mendapat sokongan dan ada pula yang menghantar sipolan-sipolan ke Medan atau Jepun dengan harapan untuk memancing undi," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, pertandingan untuk merebut jawatan ketua bahagian tahun ini juga amat luarbiasa kerana tim-

Dalam penjelasannya hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak pun membayangkan bahawa beliau akan mengundur diri dari memimpin parti.

"Saya ada kata saya telah berumur 60 tahun, tetapi ini tidak bermaksud saya mempelawa diri untuk berhenti," katanya.

Beliau bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan pertama UMNO bahagian Ampang Jaya di sini.

Terdahulu dari itu, dalam ucapannya merasmikan mesyuarat tersebut, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau khuatir untuk membuat ucapan di khalayak ramai sekarang ini kerana ucapannya dilaporkan oleh pemberita-pemberita akhbar.

Katanya, kalau ucapannya itu sederhana dan tidak bersedemangat atau ia tidak menarik, mereka akan mengubahnya sedikit supaya lebih menarik, lalu disambut oleh gelak ketawa para hadirin.

"Jadi saya terpaksa membuat sedikit penjelasan mengenai apa yang saya ucapkan ketika merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian Kubang Pasu, bahagian saya sendiri semalam.

LIHAT MUKA 6

jawatan tertentu dalam UMNO tetapi berharap rebutan-rebutan itu tidak menjadi ketara sangat.

"Ada orang-orang lama yang memimpin dalam UMNO seolah-olah tidak mahu langsung mengundurkan diri dan ada orang baru masuk dua hari hendak menjadi pemimpin tanpa memikirkan sangat akan akibatnya kepada keutuhan parti," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerana para pemimpin lama enggan undur diri, para pemimpin muda pula berusaha sedaya untuk memenangi jawatan - jawatan itu tanpa mengira sama ada ia boleh membawa kehancuran kepada UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata lagi sikap terhadap parti antara ahli dan pemimpin - pemimpin dulu dan sekarang telah banyak berubah. Dulu ahlinya memementingkan perpaduan dan falsafah perjuangan UMNO.

"Kini mereka yang bertanding untuk merebut jawatan dalam bahagian sudah pun mempunyai 'kabinetnya' sendiri dan bila

di peringkat bahagian, mereka, akan cuba mengalahkannya bila dia bertanding sebagai calon Barisan Nasional dalam pilihanraya umum.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, bila keadaan seperti ini berlaku, sesuatu bahagian itu tidak lagi menjadi satu badan yang berpadu tetapi menjadi dua badan yang berasingan.

"Kita tidak mahu UMNO dipecahbelahkan oleh kerana ahli - ahlinya bermusuhan sesama sendiri kerana kita jangan fikir UMNO tidak boleh diganti," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, bila rakyat menyoal kewibawaan UMNO dan bila mereka terdesak, mereka akan membuat pilihan dan UMNO boleh ditumbangkan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, pemimpin - pemimpin UMNO sekarang ini kebanyakannya terdiri daripada ahli - ahli perniagaan dan bukan seperti pemimpin dulu yang rata - rata terdiri daripada guru.

Katanya, pada masa ini begitu ramai ahli UMNO yang ingin bertanding mere-

bul sangkaan pilihanraya akan berlangsung tahun depan.

Katanya, ada calon - calon yang menjangkakan bahawa jika dia menjadi ketua bahagian maka harapannya untuk menjadi wakil rakyat atau Exco negeri atau menteri adalah cerah.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa pemilihan ke jawatan - jawatan itu adalah bergantung kepada pucuk pimpinan berdasarkan kepada penilaian - penilaian tertentu, oleh itu bukan semua ketua bahagian berpeluang merebut jawatan tersebut.

Serentak dengan itu beliau menyeru semua ahli UMNO balik ke perjuangan parti yang asal dan lupakan kepentingan diri untuk kepentingan parti, bangsa, agama dan negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat, nasib orang Melayu terikat dengan UMNO dan jika ia gagal, orang - orang Melayu akan gagal dan mungkin orang - orang Islam negara ini akan hadapi masa depan yang gelap.